

Kesan perubahan subsidi minyak dikaji: PM

Oleh Rasid Rahaman
dari Mohd Hamizar Abd Hamid

SERI ISKANDAR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan masih mengkaji secara terperinci implikasi sekiranya berlaku perubahan pada subsidi minyak."

Beliau berkata, kajian itu memerlukan masa kerana jalan penyelesaian bukannya mudah berikutan pelbagai perkara perlu difikirkan.

"Berikutan kenaikan harga minyak di pasaran dunia sekarang, kerajaan sedang mengkaji dengan terperinci terhadap kesan yang terpaksa diterima jika berlaku perubahan pada struktur subsidi sekarang.

"Ini kerana sebarang perubahan subsidi itu akan memberi kesan kepada kenaikan kos, sama ada kepada kerajaan atau sektor swasta.

"Kita tengok kos pada kerajaan, iaitu jika tiada subsidi. (Dan) kos pada sektor swasta, maklumlah kena bayar (harga) petrol lebih tinggi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Universiti Teknologi Petronas di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan kajian yang dibuat kerajaan sama ada mengekalkan struktur subsidi minyak sedia ada atau mengurangkannya berikutan kos tinggi yang ditanggungnya akibat kenaikan harga minyak dunia.

Ditanya bila kajian itu selesai, Abdullah berkata: "Anda tidak perlu gesa saya mengenai perkara itu. Saya ada peraturan masa sendiri untuk melakukannya."

Laporan akhbar sebelum ini menyebut, Malaysia sejak lima tahun lalu membelanjakan sekitar RM10 bilion setahun dalam bentuk subsidi bagi membolehkan kerajaan mengawal harga minyak di tahap lebih rendah berbanding harga di negara lain.

Ini bermakna, kerajaan perlu membayar perbezaan harga antara yang ditawarkan pada peringkat global dan yang ditawarkan pada peringkat domestik bagi produk petrol yang sudah diproses.

Bagaimanapun, sepanjang empat tahun lalu, peruntukan bagi subsidi tidak pernah melebihi pendapatan yang diperoleh daripada penjualan minyak mentah kecuali pada 2000.



ABDULLAH merasmikan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Seri Iskandar, semalam sambil diperhatikan (dari kiri) Mohd Hassan, Tun Dr Mahathir dan Dr Rosti Saruwono. - Gambar Bernama